

SEMINAR PENGURUSAN KEWANGAN UNTUK AHLI-AHLI JAWATAN KUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI DAN PERSEKUTUAN (PAC).

Satu seminar pengurusan kewangan khusus untuk Ahli-ahli Jawatan Kuasa Kira-kira Wang Negeri Dan Persekutuan telah diadakan di Hotel Legend, Kuala Lumpur pada 5 dan 6 November 2008. Seminar yang dianjurkan oleh Akademi Audit Negara ini berlangsung selama satu hari setengah. Sebanyak lima kertas telah dibentangkan oleh pegawai-pegawai kanan Jabatan Audit Negara yang antara lain menyentuh mengenai peranan dan tanggung jawab Ahli-ahli Jawatan Kuasa Kira-kira Wang Persekutuan dan Negeri, Analisis terhadap Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Kerajaan dan juga pengauditan terhadap Program dan Aktiviti Kerajaan. Seminar ini telah dihadiri oleh seramai 65 Ahli-ahli Jawatan Kuasa Kira-kira Wang Negeri dan semua Pengarah Audit Negeri.

Seminar telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Dato' Azizah bt. Hj. Arshad, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) pada 5 November 2008. Dalam ucapan perasmiannya antara lain beliau menyatakan tujuan seminar ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada semua peserta berbincang dan bertukar pandangan dan pengalaman mengenai pengurusan mesyuarat PAC dan isu-isu yang sering dibangkitkan dalam laporan Ketua Audit Negara. Ahli-ahli PAC boleh memantau sejauh mana tindakan-tindakan pembetulan telah diambil oleh Ketua-ketua Jabatan yang terlibat dengan meminta mereka mengemukakan laporan kemajuan (*progress report*) terhadap tindakan-tindakan yang dijanjikan itu. Kalau perlu Ketua-ketua Jabatan dipanggil menghadap PAC bukan sekali, tetapi beberapa kali. Beliau juga berharap PAC di peringkat Negeri akan dapat mencontohi PAC di peringkat Parlimen. Di mana mereka bukan sahaja berjumpa hampir setiap bulan tetapi juga turun padang untuk mendapatkan *first hand information*.

Penutupan seminar telah dilakukan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara pada 6 November 2008 dan diikuti dengan satu majlis dialog dengan semua peserta seminar. Dalam ucapan penutupnya, antara lain beliau menyatakan bahawa Jabatan Audit Negara mempunyai peranan untuk membantu semua ahli PAC di peringkat Persekutuan dan Negeri dengan menyediakan laporan yang memberi gambaran tentang apa yang berlaku kepada wang rakyat dan prestasi semua Kementerian dan Jabatan dalam membelanjakan wang rakyat. Laporan Audit yang dibentangkan di Dewan Perundangan ini akan digunakan sebagai asas oleh semua ahli PAC dalam perjalanan mesyuarat PAC. Ketua Audit Negara juga menyatakan bahawa Laporan Audit yang disediakan itu mestilah bebas, objektif dan

seimbang. Seterusnya beliau menyeru agar semua ahli PAC dapat membaca Laporan-laporan Audit yang disediakan dan mengadakan mesyuarat dengan lebih kerap agar isu-isu yang dibincangkan adalah isu-isu yang terkini.





